

Headline **Titian kanopi FRIM dibuka semula**
Date **09 Aug 2011**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Dlm Negeri**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**
Page No **28**
Article Size **62 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **808**
PRValue **2,424**



Titian kanopi FRIM dibuka semula

KUALA LUMPUR 8 Ogos - Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) membuka semula titian kanopi di pusat itu kepada orang ramai bermula 2 Ogos lalu selepas semua kerja penyelenggaraan selesai dijalankan.

Ketua Pengurusan Korporat FRIM, Norhayati Nordin berkata, titian kanopi itu yang menjadi tarikan utama pengunjung ke FRIM terpaksa ditutup untuk kerja-kerja penyelenggaraan sejak 1 Disember tahun lalu.

“Sebelum ini titian ini terpaksa ditutup demi keselamatan semua pengunjung,” katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Titian terletak di Hutan Simpan Bukit Lagong berukuran 150 meter panjang dan 30 meter tinggi itu menawarkan pemandangan hutan yang indah.

Bagaimanapun jelasnya, titian itu ditutup pada Hari Raya Aidilfitri bermula 27 Ogos hingga 5 September ini.

Untuk maklumat lanjut boleh hubungi 03-62797596.